

31 OCT 1999

Abdullah-Pemuda

PEMUDA UMNO PERLU BASMI FITNAH DAN PEMBOHONGAN

BUTTERWORTH, 31 Okt (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno perlu memikul tugas membasmi fitnah dan pembohongan yang semakin bermaharajalela di negara ini, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata perbuatan itu perlu ditentang secara habis-habisan oleh Pemuda Umno.

"Pergerakan Pemuda (Umno) perlu membuktikan perjuangannya relevan dan mampu memikul tanggungjawab yang besar itu," katanya pada majlis Perhimpunan Putera Merdeka sempena sambutan Ke-50 penubuhan pergerakan itu di sini, malam ini.

Turut hadir ialah Pemangku Ketua Pemuda Datuk Hishammuddin Tun Hussein, Naib Presiden Umno Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak, Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN) Datuk Mohamed Rahmat dan dua bekas Ketua Pemuda Umno iaitu Datuk Ahmad Zahid Hamidi dan Tan Sri Rahim Thamby Chik serta para pemimpin pergerakan Pemuda Umno seluruh negara.

Lebih 30,000 orang hadir pada sambutan itu yang diadakan di Padang Bandaran Butterworth iaitu tempat asal penubuhan pergerakan itu.

Abdullah, yang juga Naib Presiden Umno yang menjalankan tugas-tugas timbalan presiden parti, berkata Pemuda Umno perlu memahami masyarakat masa kini yang lebih terpelajar dan aspirasi masyarakat yang berbeza daripada masyarakat masa lepas.

Katanya masyarakat kini lebih kritis dan sentiasa mempersoalkan sama ada perjuangan Pemuda Umno masa kini masih relevan dengan perkembangan dan pembangunan negara.

Sehubungan itu, beliau berkata Pemuda Umno perlu berusaha membanteras kegiatan menghasut rakyat supaya membenci Umno dan kerajaan pimpinan BN.

"Tindakan menghasut rakyat supaya membenci kerajaan, memfitnah dan pembohongan perlu dihentikan segera kerana Umno tidak rela bangsa berpecah belah," kata beliau.

Menurutnya pemimpin datang dan pergi adalah lumrah dalam perjuangan tetapi pemimpin pengganti perlu lebih mampu berjuang, berdaya maju dan berkesan kepimpinannya.

Abdullah berkata perjuangan Umno tiada nokhtahnya dan oleh itu, pemimpin hari ini perlu meneruskan perjuangan pemimpin masa lepas bagi mengisi kemerdekaan negara.

Beliau juga berkata Umno akan terus menentang golongan yang tidak berterima kasih di atas perjuangan pemimpin masa lepas dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengeluarkan negara ini daripada pelbagai masalah termasuk kegawatan ekonomi.

"Mereka ingat Umno dan BN wujud hanya untuk pilihan raya. Mereka lupa bahawa Umno dan BN wujud untuk bekerjasama dan tidak pernah mengorbankan semangat serta matlamat perjuangannya," kata beliau.

Sementara itu, Hishammuddin dalam ucapannya berkata Pemuda Umno tetap berdiri teguh dan mempunyai semangat juang serta kesedaran tinggi walaupun dilemparkan pelbagai tuduhan dan cemuhan.

Katanya sifat-sifat itu berbeza dengan golongan yang bersifat angkuh, bongkak, lupa daratan dan sanggup mengkhianati perjuangan Umno.

"Hari ini Pemuda Parti Keadilan Nasional juga mengadakan perhimpunan untuk mengingati seorang pemimpin (Datuk Seri Anwar Ibrahim). Mereka inilah golongan yang menggigit tangan orang yang memberi makan kepada mereka,"

katanya.
-- BERNAMA
SA NAK